



RABU, 14 JUN 2023
UNTUK SIARAN SEGERA

**CAAM JALANKAN SIASATAN KES HELIKOPTER PERIBADI
DILAPORKAN MENDARAT DI SHAH ALAM, SELANGOR**

PUTRAJAYA – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah memulakan siasatan mengenai pengoperasian sebuah helikopter peribadi jenis G2CA-Cabri, dengan nombor pendaftaran N99UR yang dilaporkan mendarat di Shah Alam, Selangor pada 17 April 2023. Siasatan dijalankan mengikut Peraturan Penerbangan Awam 2016 dan *Civil Aviation Directives* (CADs).

CAAM ingin mengingatkan semua pengendali pesawat bahawa pematuhan penuh kepada peraturan dan arahan adalah wajib bagi memastikan keselamatan orang awam. Tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap mereka yang gagal mematuhi peraturan ditetapkan.

KAPTEN NORAZMAN BIN MAHMUD
Ketua Pegawai Eksekutif
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Sebarang pertanyaan media berhubung kenyataan ini boleh dibuat dengan menghubungi Puan Anis Rahim di alamat emel anis@caam.gov.my atau talian +6012-3364353